

RAPANG KEPALA KELABU
Grey-headed Lapwing

FAMILI: Charadriidae
NAMA SAINTIFIK: *Vanellus cinereus*

CIRI-CIRI

Semasa luar musim pembiakan, individu dewasa mempunyai bahagian kepala, leher dan dada atas berwarna kelabu kecoklatan. Paruhnya agak panjang dengan bahagian hujung berwarna hitam. Bahagian kaki berwarna kuning. Bahagian dagu dan tengah tekak berwarna putih dengan jalur hitam yang lebar tetapi kabur. Semasa terbang, dapat dilihat bulu paha dan sekunder yang berwarna putih pada bahagian atas dan bawah sayap. Semasa musim pembiakan, kepala, leher dan dada atas berwarna kelabu dengan jalur hitam yang kemas pada. Individu juvenil pula mempunyai bahagian kepala, leher dan dada berwarna kecoklatan. Bulu pada bahagian atas badan dan sayap pula mempunyai pinggir berwarna kuning pucat. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 34-37 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada kumbang, cacing, belalang dan serangga-serangga yang lain.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan berpaya, sawah padi dan kawasan pertanian sehingga ke 1,250 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *chee-it* yang berulang dan *cha-ha-eet* dan *pink* yang nyaring apabila mengesan bahaya.